pharmaniaga
Pharmaniaga Berhad

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## SIARAN AKHBAR

### PHARMANIAGA LANCAR CITREX VITAMIN C 100MG

- Citrex Vitamin C 100 mg tawar **dua perisa**
- Tablet **tanpa gula** dan **mudah dikunyah** untuk kanak-kanak

SERDANG, 27 Julai 2017 – Vitamin C merupakan nutrisi lazim yang boleh diambil oleh sesiapa sahaja tidak kira kanak-kanak, orang dewasa mahupun orang tua. Seiring dengan itu, Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga) telah melancarkan Citrex Vitamin C 100mg untuk kanak-kanak bertempat di Malaysia Agro Exposition Park (MAEPS), Serdang bersempena dengan penganjuran *Malaysia Islamic Children's Fair (MICF)*.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh Encik Zulhazri Razali, Pengarah Komersial Pharmaniaga bersama-sama dengan Pihak Pengurusan Kanan Syarikat.

"Citrex Vitamin C 100mg keluaran Pharmaniaga ini mudah dikunyah dan boleh didapati dalam dua perisa iaitu oren dan anggur sesuai diambil secara harian oleh kanak-kanak berumur empat tahun ke atas" ujar Encik Zulhazri Razali, Pengarah Komersial Pharmaniaga.

Pelancaran Citrex Vitamin C 100mg kini tampil dengan memperkenalkan watak Adiwira siri animasi popular tempatan, Boboiboy sebagai duta produk. Boboiboy telah dibawa khas bertemu dengan peminat ciliknya pada hari pelancaran. Penampilan animasi tempatan ini telah memikat perhatian lebih 100 kanak-kanak yang hadir di pelancaran itu sekaligus menjadikan suasana di pentas utama lebih meriah dan menghiburkan.

-Tamat-

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## SIARAN AKHBAR

### MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD

Pharmaniaga Berhad, ahli kumpulan Boustead merupakan sebuah syarikat pelaburan yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia. Teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah pembuatan farmaseutikal generik; penyelidikan dan pembangunan; pemasaran dan jualan; pergudangan dan pengedaran produk farmaseutikal dan perubatan; pembekal dan pemasangan alatan perubatan ke hospital serta farmasi komuniti.

Dengan visi untuk menjadi syarikat farmaseutikal Malaysia yang terunggul, Pharmaniaga berpegang teguh dengan falsafah "Perniagaan dengan Integriti" yang diterajui oleh misi syarikat, **"Passion for Patients".**

Kumpulan Pharmaniaga sedang beroperasi di 38 tempat meliputi tiga buah negara ASEAN (Malaysia, Indonesia & Vietnam) dan mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau di dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

---

***Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga*** *oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Zuhri Iskandar Kamarzaman di talian 03 3342 9999 sambungan 434 atau melalui emel zuhri@pharmaniaga.com*